

**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UTeM**



---

**CHAIRMAN LECTURE SERIES  
SIRI 3**

اونيور سیتی تکنیکل ملایسا ملاک

**26 September 2023 / 2.30 petang**

**Dewan Auditorium, FTKIP Kampus Induk**

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita umur dan rezeki untuk berkumpul pada hari ini di Program *Chairman Lecture Series: Industrial, Experience, Reality (CLS)* untuk siri yang ketiga. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang meluangkan masa untuk hadir pada hari ini.

## **Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian**

2. Untuk makluman semua, Program *Chairman Lecture Series* ini merupakan idea daripada Pengerusi LPU kita sendiri iaitu YBhg. Dato Dr. Husaini bin Omar. Sebaik sahaja beliau dilantik sebagai Pengerusi LPU UTeM pada 1 Jun tempoh hari, Dato telah menyatakan hasrat bagi penganjuran program ini.
3. Antara hasrat dan objektif penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan perkongsian maklumat, kefahaman dan pengalaman Pengerusi LPU sendiri bersama Tokoh Terkemuka/Profesional dan pakar dari industri untuk di sebar luas di UTeM agar lebih berdaya saing dan proaktif

dalam menghadapi cabaran perkembangan kemajuan pendidikan tinggi di dunia.

4. Bagi memastikan program ini berjaya dan mencapai matlamatnya, Pejabat Pendaftar telah merangka dan merancang program ini untuk dianjurkan dan disertai bukan sahaja oleh ahli akademik, bahkan semua warga UTeM termasuk kumpulan pelaksana dan juga pelajar. Bagi memastikan penyertaan program ini secara menyeluruh juga, program ini dirancang untuk dianjurkan setiap bulan dengan mengenengahkan isu dan topik yang berbeza serta ahli panel jemputan yang berbeza.

5. Diharapkan melalui program sebegini, warga UTeM akan lebih terbuka dan berpandangan luas terhadap budaya pekerjaan di luar serta amalan kerja yang terbaik untuk diterapkan di UTeM. Saya berharap melalui penganjuran program ini akan dapat meningkatkan lagi produktiviti warga UTeM seterusnya berusaha dengan lebih keras untuk mencapai apa yang telah dirancangan.

**Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,**

6. Seperti yang semua sedia maklum, UTeM sedang bergerak pantas ke arah mencapai matlamat yang telah dirancang melalui Pelan Strategik 2023 – 2025. Alhamdulillah kita telah mencapai satu kejayaan yang besar pada tahun ini apabila

UTeM buat pertama kalinya telah tersenarai dalam QS World Ranking. Ini telah membuktikan bahawa kita semua mampu untuk mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.

7. Bagi memastikan kejayaan ini berterusan, saya sangat mengalakkan warga UTeM untuk melakukan anjakan dengan meneroka segala ruang dan peluang yang ada. Bukan itu sahaja, saya sangat mengalakkan warga UTeM untuk menyertai program-program berunsur perkongsian supaya kita akan lebih terbuka terhadap persekitaran seterusnya mempunyai satu pandangan yang lebih meluas.

8. Seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, Program *Chairman Lecture Series* ini akan turut menampilkan Tokoh Terkemuka/Profesional dan pakar dari industri untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka. Pada hari ini kita telah menjemput **4 orang** yang berpengalaman dari industri iaitu:

**i. Datuk Dr. Mohd Kassim Noor Mohamed**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan & Pengarah Urusan  
serta Naib Canselor

ELMU Education Sdn. Bhd.

**ii. Dato' Hairul Ridza Hayata**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan &  
Presiden Kumpulan Strategi & Penyelidikan  
ELMU Education Sdn. Bhd.

**iii. Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya Zuhairie bin Abu Bakar**

Pengarah Bahagian Keselamatan  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



#### **iv. Maha Ramanathan Palan**

Pengarah Urusan Kumpulan

SMRT Holdings Berhad & Cyberjaya Education Berhad

9. Panel jemputan kita pada hari ini merupakan orang penting di syarikat masing-masing yang telah berjaya membantu mengemudi syarikat untuk mencapai matlamat dalam industri masing-masing. Sudah semestinya segala pengalaman yang dilalui adalah sangat berharga dan boleh kita adaptasi di UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Hadirin sekalian,**

10. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Dato Dr. Husaini Omar, Pengerusi LPU UTeM di atas cadangan bagi penganjuran Program *Chairman Lecture Series* ini. Juga terima kasih kepada panel jemputan kita **Datuk Dr. Mohd Kassim, Dato' Hairul, Tuan Zuhairie dan Encik Maha** yang sudi meluangkan masa bersama-sama berkongsi pengalaman.

Saya sudahi ucapan ini dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.